

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD**  
**IMRAN BIN ABD HAMID (B)**  
**KAWASAN : LUMUT**  
**TARIKH : 26 OKTOBER 2015, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh sebenar projek Jambatan Kampung Baru ke Kampung Telok dan Telaga Nenas akan siap dan dapat digunakan sepenuhnya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jambatan dari Kg. Baharu ke Kg. Teluk, Manjung itu ialah projek Kerajaan Negeri Perak yang dilaksanakan oleh JKR Daerah Manjung.

Projek dengan kos kontrak sebanyak RM17.3 juta itu telah dimulakan pada 18 Oktober 2013 dan sepatutnya siap dalam tempoh 18 bulan, iaitu pada 18 April 2015. Walau bagaimanapun JKR telah meluluskan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) sehingga 30 September 2015 kepada pihak kontraktor berikutan masalah yang berkait dengan pelaksanaan projek ini. Pada masa kini kemajuan fizikal di tapak ialah 82% sahaja berbanding 100% (jadual). Berikutan itu JKR telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) di mana pihak kontraktor telah mula dikenakan Denda Ganti Rugi ('Liquidated and Ascertained Damages'/LAD) atas kelewatan pelaksanaan setiap hari projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini JKR sedang memantau dengan teliti prestasi kerja semasa pihak kontraktor di tapak pembinaan. Sehubungan itu JKR akan mengeluarkan notis pemansuhan dan penamatan kontrak jika pihak kontraktor didapati masih gagal menunjukkan kesungguhan untuk menyiapkan projek ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HJ. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 9**

**Dato' Ir. Hj. Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar cukai jalan untuk kereta berjenama mewah yang melebihi usia 10 tahun, ini adalah kerana "nilai buku" kereta tersebut adalah tersangat rendah berbanding dengan kereta berjenama mewah keluaran baru.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar fi bagi Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan adalah berdasarkan Kaedah 16, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 yang memperuntukkan sesuatu kadar fi adalah ditentukan mengikut parameter-parameter berikut:

- (i) kapasiti enjin;
- (ii) kawasan kegunaan;
- (iii) jenis milikan;
- (iv) jenic kegunaan; dan
- (v) bahan bakar.

Peruntukan undang-undang seperti yang disebutkan di atas tidak menetapkan 'nilai buku' sebagai asas pengiraan kadar cukai jalan sesebuah kenderaan di Malaysia berbanding dengan praktis yang dibuat dalam menentukan kadar premium insurans kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai cadangan Yang Berhormat Langkawi bagi mengurangkan kadar cukai jalan untuk kereta berjenama mewah yang melebihi usia 10 tahun berdasarkan "nilai buku" atau "*market value*", kerajaan buat masa ini belum bercadang untuk menimbang cadangan tersebut. Ini memandangkan kerajaan telah memberikan insentif pengurangan 80% kadar cukai jalan bagi

kenderaan lama yang berusia 25 tahun ke atas serta pengurangan 90% kadar cukai jalan bagi kenderaan yang berusia 50 tahun dan ke atas. Pemberian insentif ini adalah tertakluk kepada sesebuah kenderaan mendapat status vintaj atau klasik daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).